

11/04/1997

Harrods jual semula mempelam

Fazli Arman

KANGAR, Khamis - Mempelam Harum Manis yang hanya ada di utara negara ini, khususnya Perlis akan dipasarkan semula di Harrods iaitu sebuah gedung berprestij di London.

Beberapa tahun lalu, mempelam itu dipasarkan di gedung berkenaan tetapi penjualannya terhenti kerana pengeluar tidak dapat menyediakan bekalan sepanjang tahun.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata kerajaan negeri akan memastikan Harrods mendapat semula bekalan itu setiap kali tiba musim mempelam.

Beliau berkata, langkah itu adalah atas kehendak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahu melihat buah tempatan dipasarkan di peringkat antarabangsa.

"Jumlah buah yang dihasilkan di Perlis tidak dapat menampung permintaan dalam negara tetapi sekurang-kurangnya dua kontena akan dihantar ke sana setiap musim," katanya selepas merasmikan pemasaran mempelam di Pusat Pertanian Bukit Bintang di sini, petang ini.

Kira-kira 200 hektar kawasan di negeri ini ditanam dengan mempelam, termasuk Harum Manis yang dilaksanakan secara estet oleh Jabatan Pertanian serta membabitkan 300 petani.

Tahun ini, Jabatan Pertanian menjangka dapat menghasilkan sehingga 350 tan mempelam yang mana setiap 0.4 hektar boleh mendatangkan pendapatan sebanyak RM7,500.

Shahidan berkata, penduduk yang menanam pokok itu boleh membantu meningkatkan pengeluaran kerana kerajaan negeri tidak berupaya membuka kawasan baru disebabkan faktor tanah yang terhad.

Sehubungan itu, katanya, Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) diminta mendaftarkan penduduk yang mempunyai lebih daripada 10 pokok mempelam Harum Manis.

Katanya, langkah itu bagi memudahkan Jabatan Pertanian memberi tunjuk ajar dan penyeliaan kepada penduduk terbabit untuk menghasilkan buah yang berkualiti.

Ini kerana, katanya, ada peraih yang membeli buah itu daripada penduduk kampung mencampur aduk buah muda dan tua yang kemudian dijual kepada orang ramai.

"Disebabkan mahu mendapat keuntungan berlebihan, penjagaan kualiti diabaikan, menyebabkan nama mempelam Harum Manis terjejas sedangkan kelazatan buah itu sudah terbukti," katanya.

Selain menjaga kualiti, Shahidan berharap penduduk kampung memasarkan buah itu melalui jabatan supaya orang tengah tidak menawarkan harga yang rendah kepada mereka.

(END)